

'Masih ada jalan untuk atasi masalah yang timbul'

MAHATHIR: UM DIBUKA TERUS

UNIVERSITI Malaya **TETAP** akan dibuka seperti biasa esok, kata **Dr. Mahathir Muhamad** malam ini.

Katanya, kerajaan telah memutuskan TIDAK akan menutup universiti tersebut seperti yang dilaporkan petang ini.

Menteri Pelajaran berkata demikian seibanya dari Alor Setar di Lapanganterbang Antarabangsa Subang.

"Kerajaan berpendapat masih ada jalan untuk mengatasi masalah yang timbul secara aman," katanya.

Terdahulu dari itu di Alor Setar, Dr. Mahathir memberitahu pemberita-pemberita bahawa kerajaan akan bertindak menutup Universiti Malaya esok memandangi kepada

**KUALA LUMPUR
23 SEPTEMBER**

perkembangan-perkembangan ter-
baru di situ.

Beliau yang tergesa-gesa menaiki kereta ke Pulau Pinang untuk terbang pulang ke Ibu Negara bagai-

KUALA LUMPUR, 23 Sept. —
Persembahan pembukaan rombongan Tarian Martha Graham yang dijadualkan berlangsung di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya pada pukul 8.00 malam ini telah dibatalkan. Jurucakap universiti itu memberitahu para penonton yang telah membeli tiket akan dikembalikan wang mereka.

manapun berkata beliau terpaksa meninjau kedudukan sebenar di universiti tersebut sebelum dapat menjelaskan tindakan selanjutnya.

Langkah ini diambil memandangi pergolakan-pergolakan antara dua golongan mahasiswa yang bertentangan antara satu sama lain, katanya.

Dr. Mahathir membuat pengumuman ini ketika hendak meninggalkan Dewan Pusat Pelbagaiguna di sini sebelum menamatkan ucapannya dalam satu perjumpaan dengan guru-guru Me'ayu.

Ketika berucap dalam perjumpaan anjuran Persatuan Guru-Guru Melayu Kedah kerana mengalu-alukan perlantikannya sebagai Menteri Pelajaran Dr. Mahathir telah diganggu oleh tiga kali panggilan telepon dari Kuala Lumpur.

LIHAT MUKA 12 (Ruangan 5)

Kedudukan kampus makin runcing

DARI MUKA 1

Panggilan talipon kali pertama dipercayal dari Timbalan Naib Canselor Universiti Malaya Professor Ahmad Ibrahim dan kali kedua dipercayal dari Pemangku Ketua Polis Negara.

Panggilan talipon kali ketiga telah menyebabkan Dr. Mahathir meminta maaf dalam perjumpaan itu sambil memberitahu yang beliau terpaksa balik ke Kuala Lumpur sekarang juga.

Ketika ditanya sebaik-baik saja beliau hendak meninggalkan dewan tersebut beliau memberitahu beliau akan menutup Universiti Malaya.

"Nampaknya kedudukan di kampus Universiti Malaya semakin meruncing dan berkecenderungan saya kembali ke Kuala Lumpur dengan segera.

"Saya tidak tahu bagaimana rupa pergolakan itu tapi saya terpaksa membersihkan pelajar-pelajar dari kampus universiti sebelum sesiapa tercedera", tegasnya.

Seorang jurucakap Universiti Malaya di Kuala Lumpur memberitahu bahawa tidak ada sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku di kampus itu.